

HARIAN METRO (13/10/2021)

Oleh Mohamed Farid Noh
farid_noh@bh.com.my

Penderaan

1512

kejaman, ganas

Suami isteri tak mengaku simbah air panas, cucuh api rokok pada badan dua beradik

Johor Bahru

Pasangan suami isteri didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas dua tuduhan mendera dua beradik lelaki berusia enam dan 11 tahun termasuk menyimbah air panas dan mencucuh api rokok pada badan mereka.

mum 10 tahun atau denda RM20,000 atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Chab Choon Yew manakala kedua-dua tertuduh diwakili peguam Munirah Najihah Shaari.

Terdahulu, Choon Yew tidak menawarkan sebarang jaminan terhadap kedua-dua tertuduh berikutan perbualan mereka terhadap

rokok pada badan serta kemaluan mangsa antara Jun hingga September lalu.

Tertuduh, R Kartik, 32, dan isterinya, B Darga Devi, 24, bagaimanapun tidak mengaku bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Wan Mohd Norisham Wan Yaakob.

Bagi pertuduhan pertama, mereka didakwa secara bersama mendera dua beradik yang berusia 11 tahun dengan memukulnya menggunakan rotan, pe-

nyangkut baju dan batang mop, meletakkan pisau panas di tangan dan mencucuh api rokok di badan dan menghantuk kepala mangsa ke dinding.

Bagi pertuduhan kedua, mereka didakwa mendera seorang lagi kanak-kanak berusia enam tahun, yang juga adik mangsa pertama dengan memukulnya menggunakan rotan, penyangkut baju dan batang mop, meletakkan pisau panas di tangan dan mencucuh

api rokok di seluruh badan dan kemaluan, menyimbah air panas ke seluruh badan selain menghantuk kepala mangsa ke dinding.

Perbuatan itu didakwa dilakukan pasangan suami isteri berkenaan bersama dua orang yang dituduh minggu lalu di mahkamah sama, mengakibatkan mangsa trauma dan mengalami kece-

dera pada tubuh.

Kesalahan berkenaan dilakukan kedua-dua tertuduh yang juga penjaga kanak-kanak itu di sebuah unit di Flat Selesa Jaya, Bandar Selesa Jaya di sini, antara jam 8 malam hingga 1 pagi, antara Jun hingga September lalu.

Kedua-dua tertuduh didakwa mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001, yang membawa hukuman penjara maksi-

buatan mereka terhadap dua kanak-kanak malang itu bersifat ganas dan kejam, sekali gus dibimbangi keselamatan dua mangsa terjejas.

“Kes ini dilaporkan secara meluas dalam media dan mendapat perhatian umum. Kedua-dua tertuduh melarikan diri selepas polis menahan ibu dan kakak tertuduh bernama Kartik,” katanya.

Sementara itu, Munirah Najihah yang mewakili suami isteri itu bagaimanapun memohon mahkamah menggunakan budi bicara untuk membenarkan jaminan dalam jumlah rendah.

“Saya mohon ikat jamin dibenarkan memandangkan tertuduh kedua adalah suri rumah mempunyai tiga anak berusia sembilan bulan hingga tiga tahun yang perlu dijaga.

“Manakala, tertuduh pertama tiada pendapatan tetap dan hanya mengambil upah memasak. Dia juga penanggung tunggal keluarga. Jaminan tinggi membebankan mereka,” katanya yang memaklumkan kepada mahkamah bahawa kedua-dua mangsa kini di bawah jagaan ibu mereka.

Mahkamah membenarkan suami dan isteri itu masing-masing diikat jamin RM30,000 dan RM15,000 bagi semua pertuduhan dengan empat penjamin.



KARTIK dan isterinya, Darga Devi didakwa di Mahkamah Sesyen Johor Bahru atas dua tuduhan mendera dua beradik pada Jun hingga September lalu.